



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PROFESIONALISME DAN KOMPETENSI KAUNSELOR
MELALUI KOD ETIKA KAUNSELOR LEMBAGA KAUNSELOR
MALAYSIA**

*COUNSELLOR PROFESSIONALISM AND COMPETENCE THROUGH THE
MALAYSIAN COUNSELLOR BOARD'S COUNSELLOR CODE OF ETHICS*

Liley Afzani Saidi^{1*}, Rayyan Cheong Tian Ming Abdullah¹, Nur Haffiza Rahaman¹, Siti Nur Hafiza Saleeza Ramlee¹

¹ Jabatan Pengurusan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia

Email: liley.afzani@upnm.edu.my

Email: rayyanming@upnm.edu.my

Email: nurhaffiza@upnm.edu.my

Email: saleeza@upnm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.07.2023

Revised date: 21.08.2023

Accepted date: 18.09.2023

Published date: 27.09.2023

To cite this document:

Saidi, L. A., Abdullah, R. C. T. M., Rahaman, N. H., & Ramlee, S. N. H. S. (2023). Profesionalisme Dan Kompetensi Kaunselor Melalui Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (51), 341-349.

DOI: 10.35631/IJEPC.851024

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Profesionalisme kaunselor berkait rapat dengan etika yang perlu dipegang dan dipatuhi oleh seorang kaunselor sebelum, semasa dan selepas menjalankan sesi kaunseling. Profesionalisme ini merupakan satu cerminan profesion kaunselor kepada perkhidmatan menolong yang diberikan kaunselor kepada masyarakat. Di Malaysia, badan yang bertanggungjawab menjaga profesionalisme kaunselor adalah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Sebagai sebuah badan kerajaan yang menjaga profession kaunseling di Malaysia, salah satu tanggungjawab besar yang dimainkan oleh LKM adalah mengawal selia perkhidmatan kaunseling di Malaysia selain menyediakan Kod Etika Kaunselor bagi kaunselor menjalankan sesi kaunseling. Oleh itu dalam artikel ini penulis akan membincangkan mengenai beberapa perkara melibatkan fungsi dan peranan Lembaga Kaunselor Malaysia, ciri-ciri kaunselor yang profesional, kompetensi kaunselor, dan kepentingan kod etika kaunselor bagi dalam perkhidmatan kaunseling.

Kata Kunci:

Profesionalisme Kaunselor, Kompetensi Kaunselor, Kod Etika Kaunselor

Abstract:

Counsellor professionalism is closely related to the ethics that a counsellor must hold and adhere to before, during, and after conducting a counselling session. This professionalism is a reflection of the counsellor's profession and the helpful service provided by the counsellor to the community. In Malaysia, the body responsible for maintaining the professionalism of counsellors is the Malaysian Council of Counsellors (LKM). As a government body that looks after the counselling profession in Malaysia, one of the major responsibilities played by LKM is to regulate counselling services in Malaysia in addition to providing a Counsellor Code of Ethics for counsellors to conduct counselling sessions. Therefore, in this article, the writer will discuss several matters involving the function and role of the Malaysian Counsellor Board, the characteristics of a professional counsellor, the counsellor's competence, and the importance of the counsellor's code of ethics for counselling services.

Keywords:

Counsellor Professionalism, Counsellor Competence, and Counsellor Code of Ethics

Pengenalan

Seorang kaunselor yang kompeten harus mempunyai tiga komponen utama yang perlu dimiliki iaitu dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam mengendalikan sesi kaunseling dalam pelbagai situasi keadaan (Dini Farhana, 2016). Kompetensi kaunseling merujuk kepada satu proses melibatkan kerjasama antara kaunselor dan klien supaya klien mampu menyelesaikan masalah serta mendapat celik akal daripada proses kaunseling tersebut (Geldard et al, 2016). Menurut Ridley et al. (2011) menjelaskan kecekapan kompetensi kaunselor bukan hanya melibatkan aspek mikro namun perlu melihat secara holistik perkembangan semasa keperluan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh seorang kaunselor. Umumnya apabila membincangkan mengenai kompetensi, definisi yang diterima pakai dalam konteks yang umum melibatkan keupayaan dan kebolehan individu yang dipamerkan untuk memahami dan melaksanakan tugas-tugas dalam situasi yang sesuai serta berkesan selaras dengan latar belakang pendidikan dan latihan dalam bidang profesion kepakaran yang dimiliki (Kaslow, 2004). Sehubungan dengan itu, perlu difahami bahawa dalam konteks kecekapan mewakili aplikasi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang memenuhi tuntutan dalam kerjaya yang digalasnya.

Dalam konteks profesion kaunseling di Malaysia kompetensi kaunselor merupakan perkara yang sangat ditekankan dalam etika profesionalisme kaunselor yang termaktub dalam Kod Etika Lembaga Kaunselor Malaysia. Kod Etika Kaunselor (2011) turut menjelaskan bahawa garis panduan yang dibekalkan dalam kod tersebut membantu kaunselor untuk mengekalkan prinsip-prinsip yang menentukan tingkah laku yang beretika serta amalan-amalan terbaik dalam pelaksanaan sesi kaunseling. Menurut Liley Afzani et. al (2022) menjelaskan persediaan kaunselor bukan hanya tertakluk kepada kod etika semata-mata namun perlu didasari dengan tahap pengetahuan dan kemahiran yang lengkap dan terkini sesuai dengan keperluan semasa yang dihadapi oleh kaunselor dalam menghadapi pelbagai cabaran isu semasa. Sehubungan dengan itu kaunselor profesional di Malaysia juga mempunyai peranan dan tanggungjawab dengan memastikan mereka mendaftarkan diri sebagai kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia sekaligus mempunyai status sebagai Kaunselor Berdaftar (KB) dan

mempunyai Perakuan Amalan (PA) dengan memenuhi syarat dalam Akta Kaunselor 1998 dibawah Seksyen 12.

Ciri-Ciri Kaunselor Profesional

Peranan kaunselor dalam masyarakat dalam proses membantu dalam aspek kesejahteraan tidak dapat dipertikaikan lagi. Kaunselor profesional merujuk kepada kaunselor yang mempraktikkan kaunseling dalam konteks yang professional (Chaplin, 1975). Kaunseling pula merujuk kepada proses dinamik yang melibatkan kaunselor yang terlatih secara profesional bagi membantu klien yang mempunyai masalah atau isu yang mengganggu fungsi seharian (Nystul, 2011). Akta Kaunselor (1998) (Akta 580) mendefinisikan kaunseling sebagai;

“Satu proses sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh Kaunselor Berdaftar mengikut kod etika kaunseling bagi mencapai suatu perubahan, penyesuaian yang holistic, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian itu berterusan sepanjang hayat klien.

Kaunselor yang profesional juga merupakan kaunselor yang berkesan yang mampu untuk mengendalikan sesi kaunseling dengan baik kepada klien. Capuzzi dan Gross (2012) menjelaskan bahawa kaunselor yang berkesan turut mempunyai ciri kualiti peribadi yang khusus dalam membantu klien dalam mencapai celik akal dalam sesi kaunseling yang dijalankan. Okun (2008) juga menjelaskan kaunselor yang berkesan bukan sahaja mempunyai kualiti diri yang baik namun perlu berkebolehan dalam menggunakan ciri tersebut sebagai satu mekanisme untuk proses perubahan terhadap klien. Berdepan dengan situasi klien yang mempunyai pelbagai isu dan masalah yang dihadapi, kaunselor juga perlu menunjukkan tahap tenaga yang tinggi berdasarkan tanggungjawab tuntutan kerja yang dilaksanakan oleh kaunselor. Peranan kaunselor yang memerlukan mereka menggunakan tahap fokus yang tinggi dalam mendengar serta memberi perhatian menuntut kaunselor merancang strategi yang baik terutama dalam aspek penjagaan sendiri supaya kaunselor terus berada dalam tahap yang terbaik dalam memberikan perkhidmatannya kepada klien (Brems, 2001).

Menurut Mastura (2022) menjelaskan ciri-ciri kaunselor profesional mempunyai lima dimensi utama iaitu melibatkan kesedaran dan pengetahuan yang cukup dalam mengendalikan sesi kaunseling, kedua melibatkan peranan kaunselor dalam membantu menyelesaikan masalah klien dengan cara yang efektif, ketiga kaunselor mempunyai tahap kesedaran yang baik dalam melihat potensi yang dimiliki oleh klien dalam menyelesaikan isu yang dihadapi dan tidak menjadikan masalah yang dihadapi oleh klien sebagai beban masalah peribadi kepada kaunselor, keempat adalah melibatkan perasaan empati serta dan yang terakhir adalah memberi klien peluang untuk sentiasa merefleksikan emosi yang dihadapi berdasarkan aspek kognitif, emosi dan tingkah laku. Sehubungan itu, perlu diberikan perhatian bahawa kaunselor profesional berhadapan dengan pelbagai cabaran tambahan dalam era kemajuan teknologi media masa serta era globalisasi yang semakin mencabar. Maka seorang kaunselor yang profesional hendaklah sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan klien tetap menjadi keutamaan selain peranan kaunselor yang sentiasa mengemaskini kemahiran dan ilmu setiap masa.

Kompetensi Kaunselor

Kompetensi secara amnya dikenali sebagai kecekapan yang boleh diklasifikasikan sebagai seseorang yang dianggap professional, berkebolehan dan berkemampuan untuk melaksanakan

atau melakukan sesuatu yang bersesuaian dalam melaksanakan tugas dengan cara yang berkesan (Rodolfa et al., 2005) manakala kecekapan professional adalah individu yang mampu berkomunikasi dengan bijak, berpengetahuan, mempunyai kemahiran teknikal dan penaakulan klinikal, bijak menguruskan emosi, nilai dan mampu menguruskan kepentingan individu dan komuniti di sekeliling dengan baik (Epstein & Hundert, 2002). Kompetensi adalah "*kompleks dan merupakan kelompok yang bersifat interaktif dan dinamik*" yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap, kepercayaan, nilai dan ciri penting lain (Rubin et al., 2007). Oleh itu, kepentingan kecekapan dalam sesebuah kerjaya adalah untuk memastikan seorang bersifat professional iaitu mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan nilai) untuk mengamalkan profesion dengan selamat dan berkesan (Rodolfa et al., 2005).

Terdapat tiga perkara dalam membincangkan kriteria konsep kompetensi dan profesionalisme iaitu melibatkan pengetahuan, kemahiran dan juga sikap. Pengetahuan boleh didefinisikan sebagai fakta atau maklumat melalui pengalaman, pendidikan atau melalui pemahaman mengenai sesuatu subjek dalam sesuatu perkara (Kamus Oxford, 2005). Pengetahuan dalam konteks profesionalisme kaunseling, seseorang kaunselor perlu memahami dan berpengetahuan tentang ilmu kaunseling seperti contoh pengetahuan mengenai multibudaya dalam kemahiran kaunseling dan perkembangan kerjaya seseorang individu. Elemen yang kedua adalah berkaitan kemahiran. Kemahiran berkait rapat dengan aplikasi yang dikuasai dalam penilaian, diagnosis, konseptualisasi kes, rujukan, penyeliaan yang berkait rapat dengan bidang yang dikuasai. Sehubungan itu, kemahiran asas kaunseling yang perlu ada dalam diri seseorang kaunselor antaranya adalah kemahiran pra-sesi, kemahiran membina hubungan, kemahiran membina suasana persekitaran, kemahiran menyoal, kemahiran mendengar, parafrasa atau menyatakan semula, meminta penjelasan, kemahiran berempati, kemahiran refleksi dan lain-lain.

Kaunselor yang professional adalah kaunselor yang mampu membawa kualiti serta pengalaman mengendalikan sesi kaunseling dengan baik. Menurut Sapora dan Ruhaya (2021) aspek kemanusiaan kaunselor merupakan elemen yang penting serta pengaruh utama dalam membentuk keperibadian kaunselor dengan baik. Pengalaman kaunselor dalam mengendalikan sesi kaunseling merupakan perkara yang paling penting bagi memastikan kaunselor mampu beradaptasi dengan situasi dalam kes kaunseling yang dikendalikannya. Oleh itu, seorang kaunselor harus dipersiapkan diri dengan ilmu dan juga kemahiran yang sebaiknya sebelum keluar sebagai seorang kaunselor yang bertauliah mengikut tatacara pendaftaran kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Menurut Nugent (1999) menjelaskan perkhidmatan kaunseling diertikan sebagai satu perkhidmatan yang beretika secara professional dan seseorang yang digelar sebagai kaunselor perlu mempunyai tahap pendidikan yang selayaknya. Menurut Majlis Akreditasi Program Kaunseling dan Pendidikan Berkaitan (CACREP), kaunselor perlu menyiapkan diri dengan kriteria yang tertentu mengikut syarat yang ditetapkan. Dalam konteks pendidikan di peringkat universiti, terdapat pelbagai universiti peringkat tempatan yang menawarkan bidang pengajian kaunseling di peringkat sarjana muda, sarjana serta peringkat Ph.D. Namun syarat kelayakan jam kredit merupakan penilaian yang perlu dipatuhi iaitu sekurang-kurangnya 48 jam kredit bagi pengajian.

Namun dalam konteks profesion, bidang kaunseling juga memerlukan kaunselor yang berdaftar melengkapkan beberapa jam serta kursus pengukuhan bagi melayakkan mereka memperbaharui perakuan amalan mengikut syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor. Sehubungan itu, program Perkembangan Profesional Berterusan atau *Continuing Professional Development (CPD)* merupakan satu bentuk pemantauan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia

bagi memastikan kaunselor-kaunselor tetap berada pada kompetensi yang baik dalam memberikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat. Menurut Corey, Core dan Callanan (2011) menjelaskan bahawa sebagai kaunselor, pembelajaran secara berterusan yang melibatkan latihan dan bengkel pembelajaran memberi kesan kepada tahap pengetahuan serta keyakinan kaunselor dalam melaksanakan sesi kaunseling bersama klien. Selain itu, dalam konteks latihan kaunseling dalam kesihatan mental juga merupakan satu bentuk latihan secara berterusan yang perlu dikemaskini oleh kaunselor bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sesuai dengan isu dan masalah yang dihadapi oleh klien.

Selain itu, penyertaan kaunselor dalam badan profesional merupakan satu bentuk langkah penglibatan kaunselor dalam meningkatkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak. Dalam konteks profesionalisme kaunselor, Persatuan Kaunseling Malaysia PERKAMA merupakan satu badan bukan kerajaan yang mewakili kaunselor dalam pelbagai penetapan matlamat utama dalam perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Penyertaan kaunselor dalam pembentangan kertas kerja yang melibatkan kajian dan juga keberkesanan intervensi sesi kaunseling yang dijalankan turut menjadi sumbangan kepada kaunselor dalam bidang menolong. Kaunselor seharusnya perlu giat menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak terutama dalam agensi-agensi yang strategik dalam memastikan kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat. Semestinya situasi ini menuntut kepada kerja keras daripada kaunselor untuk terus bergabung dan berganding bahu untuk sama-sama turut serta dalam memastikan kaunselor-kaunselor terus berusaha dalam meningkatkan jaringan kerjasama daripada pelbagai pihak yang berkepentingan sama ada dalam agensi swasta, NGO atau melibatkan agensi kerajaan.

Peranan Lembaga Kaunselor Malaysia dan Kod Etika Kaunselor Dalam Profesionalisme Kaunselor

Agensi yang bertanggungjawab mengawal selia tata kelakuan profesion kaunseling, termasuklah menetapkan kod etika bagi profesion kaunseling di Malaysia adalah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal berkaitan kaunseling, LKM mempunyai fungsi dan peranan yang menyeluruh dalam profesion kaunseling bukan hanya terikat kepada pendaftaran serta latihan kaunselor semata-mata. Jika diteliti secara menyeluruh, fungsi dan peranan LKM adalah termaktub serta selaras dengan Bahagian III, Seksyen 12, Akta Kaunselor 1999 (Akta 580) iaitu fungsi LKM adalah seperti berikut;

- i. Menyelia pemberian perkhidmatan kaunseling;
- ii. Menilai keperluan bagi perkhidmatan kaunseling di Malaysia;
- iii. Mengawal selia latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling yang akan diadakan di Malaysia;
- iv. Menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang untuk didaftarkan di Bawah Akta ini; menentukan standard program latihan kaunseling;
- v. Membuat syor kepada Kerajaan berhubung dengan standard perkhidmatan kaunseling; mendaftarkan kaunselor yang berkelayakan;
- vi. Mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh kaunselor berdaftar bagi perkhidmatan kaunselingnya;
- vii. Melantik anggota-anggota Lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion kaunseling;
- viii. Mengawal selia tata kelakuan profesion kaunseling, termasuklah menetapkan kod etika bagi profesion kaunseling; dan

- ix. Melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkannya menjalankan fungsinya dengan berkesan.

Sehubungan itu Lembaga Kaunselor Malaysia telah melaksanakan satu program khas kepada kaunselor iaitu Program Perkembangan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development/CPD*) bagi kaunselor berdaftar untuk memastikan kaunselor berdaftar sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan nilai serta amalan profesional melalui program-program latihan yang terancang dan sistematik bagi memastikan yang kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika kepada masyarakat secara amnya (Lembaga Kaunselor Malaysia, 2019).

Pembentukan Kod Etika Kaunselor (KEK) merupakan satu panduan yang diselaraskan oleh LKM dalam membantu mengekalkan serta meningkatkan tahap kompetensi kaunselor-kaunselor yang berdaftar dengan LKM. Tujuan umum pengenalan KEK ini adalah untuk memastikan bahawa kaunselor-kaunselor yang berdaftar dengan LKM mempunyai garis panduan yang selaras dalam aspek profesionalisme kaunselor di Malaysia. Menurut KEK, terdapat lima tujuan utama pembentukan KEK dalam profession kaunseling yang telah digariskan oleh Kod Etika Kaunselor oleh Lembaga Kaunselor;

- i. Menyediakan garis panduan bagi membantu kaunselor untuk bertindak secara profesional.
- ii. Mewujudkan prinsip-prinsip yang menentukan tingkah laku beretika serta amalan-amalan yang terbaik
- iii. Membolehkan Lembaga Kaunselor (Malaysia) menjelaskan tanggungjawab etika semua kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor (Malaysia);
- iv. Memberi sokongan kepada misi Lembaga Kaunselor (Malaysia);
- v. Menjadi asas bagi memproses aduan dan pertanyaan mengenai etika yang ditujukan kepada kaunselor.

Menurut Welfel (2002), rujukan kaunselor dalam kod etika yang standard mampu mendedahkan kaunselor kepada sifat rasa tanggungjawab yang perlu dilaksanakan selain menjadi panduan kepada kaunselor menjalankan rangka kerja melibatkan proses membuat keputusan, pelaksanaan intervensi serta perkara-perkara yang menimbulkan dilemma dalam kalangan kaunselor. Selain itu kewujudan kod etika turut membantu kaunselor mempunyai rasa tanggungjawab dalam melindungi hak dan kepentingan klien selain melindungi kaunselor dalam hal-hal yang berkaitan pelaksanaan sesi kaunseling. Oleh itu, kaunselor juga perlu bersikap lebih berhati-hati dalam melakukan tindakan bila berhadapan dengan situasi dengan klien yang mempunyai klien yang mempunyai isu atau masalah. Corey et al (2011) menjelaskan bahawa walaupun terdapat kekurangan dalam kod etika yang diguna pakai oleh kaunselor namun penggunaan kod etika sedikit sebanyak membantu dalam penilaian yang terbaik dalam dilemma yang dihadapi oleh kaunselor.

Kod etika kaunselor juga turut membantu dalam meningkatkan profesionalisme serta reputasi kaunselor dalam profesion menolong (Welfel, 2022). Kematangan kaunselor dalam membuat keputusan dalam melibatkan hal-hal kepentingan klien dilihat begitu signifikan. Menurut Van Hoose dan Kottler (1985) turut menjelaskan bahawa kepentingan kod etika dilihat boleh melindungi sesuatu profession daripada campur tangan pihak tertentu dan ini semestinya

memberi peluang kepada ahli kaunselor mengawal selia sendiri ahlinya. Berdasarkan kepada Kod Etika Kaunselor (2011) menjelaskan lapan garis panduan dalam Bahagian C iaitu Tanggungjawab Profesionalisme merangkumi aspek-aspek seperti berikut;

a. Sempadan Kompetensi

Kaunselor menjalankan kerja profesional mereka hanya dalam lingkungan sempadan kompetensi berdasarkan kepada pendidikan, latihan, pengalaman diselia, pentauliah profesional serta pengalaman profesional yang bersesuaian. Selain itu, kaunselor hendaklah memperoleh ilmu pengetahuan, kesedaran peribadi, sensitiviti dan kemahiran, yang berkaitan dengan perkhidmatannya melalui pelbagai klien.

b. Bidang Kepakaran Baru

Kaunselor boleh mengamalkan bidang kepakaran baru hanya setelah memperoleh pendidikan, latihan dan pengalaman diselia yang sesuai. Semasa menguasai kemahiran dalam bidang kepakaran baru, kaunselor hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan kompetensi dalam kerjanya dan melindungi orang lain daripada kemudaratan yang mungkin timbul.

c. Layak Untuk Pekerjaan

Kaunselor menerima pekerjaan hanya bagi jawatan yang mereka layak berasaskan pendidikan, latihan, pengalaman diselia, pentauliah profesional dan pengalaman profesional yang berkaitan. Sehubungan itu, kaunselor hendaklah mengisi jawatan kaunselor profesional hanya dengan individu yang layak dan kompeten bagi jawatan tersebut.

d. Memantau Keberkesanan

Kaunselor hendaklah memantau keberkesanan mereka sebagai profesional secara berterusan dan mengambil langkah tertentu untuk memperbaikinya apabila perlu. Kaunselor dalam sektor persendirian dan swasta juga perlu mengambil langkah untuk mendapatkan penyeliaan rakan sejawatnya yang berdaftar dan bertauliah bagi menilai kebolehan dan keberkesanan mereka sebagai kaunselor.

e. Konsultasi Mengenai Obligasi Etika

Kaunselor perlu mengambil langkah berpatutan untuk berunding dengan kaunselor lain atau profesional yang berkaitan apabila mereka berhadapan dengan persoalan berkaitan obligasi etika atau amalan profesional.

Penutup

Peranan kaunselor dalam membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat adalah satu tanggungjawab serta peranan yang perlu dimainkan oleh setiap kaunselor yang berdaftar. Oleh itu, menjadi tekad kepada para kaunselor untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sedia ada dan juga semasa selaras dengan keperluan semasa masyarakat pada masa kini. Setiap kaunselor perlu berperanan penting dalam menjaga profesionalisme dan etika bagi memastikan bidang kerjaya ini dilihat signifikan dengan keperluan semasa. Peranan Kod Etika Kaunselor yang diperkenalkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia merupakan satu bentuk penyelesaian kepada dilema yang dihadapi oleh kaunselor dalam melaksanakan sesi kaunseling. Walaupun kod etika kaunselor ini mempunyai kekurangan serta limitasi namun tidak dapat dinafikan bahawa kod etika dapat membantu meningkatkan profesionalisme kaunselor. Sehubungan dengan itu, peranan ini perlu diambil bersama dan Lembaga Kaunselor

Malaysia dilihat mempunyai peranan serta tanggungjawab yang cukup besar dalam memastikan kaunselor-kaunselor di Malaysia kekal berada pada tahap yang terbaik dalam melaksanakan sesi kaunseling bersama klien.

Kaunselor juga perlu sedar bahawa peranan ini perlu direalisasikan dan dilaksanakan oleh semua kaunselor. Sebagai kaunselor bertauliah, menjadi kewajipan agar semua kaunselor peka akan perubahan semasa termasuk pengaruh globalisasi dalam konteks penggunaan teknologi semasa yang menjadi cabaran kepada semua pihak. Perubahan semasa ini diharap menjadi pemangkin kepada semua kaunselor untuk terus cakna dan terus meningkatkan kompetensi dari semasa ke semasa supaya profesionalisme kaunselor dipertingkatkan dan diterima baik oleh masyarakat.

Penghargaan

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) melalui peruntukan Geran Penyelidikan Jangka Pendek oleh pihak universiti dalam menyediakan peruntukkan dalam menerbitkan artikel ini. Terima kasih juga kepada semua ahli geran yang terlibat dalam menyediakan input berkaitan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Capuzzi, D., & Gross, D.R. (Eds.). (2012). *Introduction to the Counseling Profession (6th ed.)*. Routledge.
- Chaplin, J.P. (1975). *Dictionary of Psychology 2nd Edition*. New York: Dell
- Corey, G., Corey, M. S., & Callanan, P. (2011). *Issues and ethics in the helping professions*. (8th ed.). Belmont, CA: Thompson/Brooks/Cole
- Corey, G., Corey, M. S., Corey, C., & Callanan, P. (2015). *Issues and ethics in the helping professions (9th Ed.)*. Stamford, CT: Brooks/Cole.
- Dini, F. (2016). *Tesis of Counselling. Strategies Based on Multicultural Community Welfare in Malaysia*.
- Epstein, R. M., & Hundert, E. M. (2002). Defining and assessing professional competence. *Journal of the American Medical Association*, 287, 226–235.
- Geldard, D., Geldard, K., & Yin Foo, R. (2016). *Basic personal counselling: A training manual for counsellors (8th Ed.)*. Cengage Learning.
- Kaslow, N. J. (2004). Competencies in professional psychology. *American Psychologist*, 59(8), 774–781.
- Lembaga Kaunselor Malaysia. (2011). *Kod Etika Kaunselor*. Kuala Lumpur: Penerbit Lembaga Kaunselor.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2013). *Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan Peraturan-Peraturan*. Selangor: International Law Book Services.
- Mastura, M. (2022). *Profesionalisme Kaunselor Etika dan Kompetensi*. Penerbitan UTM Press
- Nugent, N. (1999). *The Government and Politics of the European Union (4th Edition)*. Houndmills: Basingstoke London Macmillan Press Ltd
- Nystul, M. S. (2011). *Introduction to counselling: An art and science perspective (4th Edition)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education
- Okun, B.R. (2008). *Effective Helping; Interviewing and Counseling Techniques 7th Edition*. Belmont, CA: Thomson Brooks/Cole.
- Ridley, C. R., Mollen, D., & Kelly, S. M. (2011). Beyond microskills: Toward A Model of Counseling Competence. *The Counseling Psychologist*, 39(6), 825–864.

- Rodolfa, E., Bent, R., Eisman, E., Nelson, P., Rehm, L., & Ritchie, P. L. (2005). A cube model for competency development: Implications for psychology educators and regulators. *Professional Psychology: Research and Practice*, 36(4), 347–354
- Rubin, D. M., O'Reilly, A. L., Luan, X., & Localio, A. R. (2007). The impact of placement stability on behavioral well-being for children in foster care. *Pediatrics*, 119(2), 336–344.
- Rubin, N. J., Bebeau, M., Leigh, I. W., Lichtenberg, J. W., Nelson, P. D., Portnoy, S., et al. (2007). The competency movement within psychology: An historical perspective. *Professional Psychology: Research and Practice*, 38, 452–462.
- Saidi, L., Kassim, Z., Ramli, S., Rahaman, N., Wan Yusuf, W., & Abdullah, R. (2022). Kompetensi Kaunselor Dalam Kesehatan Mental. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 160-168.
- Van Hoose, W.H. & Kottler, T.A. (1985). *Ethical and legal issues in counseling and psychotherapy (2nd ed.)*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Welfel, E. R. (2015). *Ethics in Counseling and Psychotherapy: Standards, Research, And Emerging Issues*.
- Welfel, E. R., & Leach, M. M. (2018). *Fostering ethical mental health practice across diverse settings and populations*: The Cambridge.